

6 daripada 10,000 bakal pengantin hidap Aids

Ujian bolehkan individu teruskan perkahwinan atau batal

B-H 28/12/08 M158

Oleh Junita Mat Rasid
junita@bharian.com.my

JOHOR BAHRU: Hanya enam daripada setiap 10,000 bakal pengantin dan lima daripada 10,000 wanita hamil yang menjalani ujian saringan HIV, disahkan menghidap penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (Aids), sepanjang tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai, berkata sehingga kini, antara 0.05 peratus hingga 0.1 peratus daripada mereka yang menjalani ujian saringan HIV praperkahwinan didapati positif Aids.

Katanya, ujian itu memberi peluang kepada bakal pengantin mengetahui status HIV masing-masing dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya, termasuk sama ada meneruskan perkahwinan atau membatalkannya.

"Kita mendapati ada pasangan yang meneruskan perkahwinan selepas mengetahui status penyakit mereka. Ini menunjukkan ujian itu bukan untuk menyekat mana-mana individu daripada berkahwin, sebaliknya kita mahu memberi pendidikan serta kaunseling kepada mereka tidak kira sama ada positif atau tidak dalam ujian itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas memasmikan Program Gaya Hidup Sihat dan Kempen Kesedaran HIV anjuran Ahli Lembaga Pelawat Hospital



LIOW melawat pameran yang diadakan sempena program gaya hidup sihat dan kempen kesedaran HIV di Johor Bahru, semalam.

Sultanah Aminah (HSA), di sini, semalam.

Liow berkata, langkah mewajibkan saringan ujian HIV kepada pasangan Islam mulai tahun depan juga adalah antara langkah pencegahan awal penyakit itu.

Beliau juga meminta mereka yang berisiko dijangkiti Aids menjalani ujian itu yang dijalankan secara percuma di pusat kesihatan kerajaan.

"Kami akan meningkatkan lagi program kesedaran Aids berikutan hanya kira-kira 35 peratus penduduk negara ini yang berusia 13 tahun ke atas mempunyai pengetahuan ting-

gi berkaitan Aids dan HIV.

"Tinjauan yang dijalankan juga mendapati hanya separuh daripada penduduk tahu mengenai cara jangkitan HIV dan hanya kira-kira 63 peratus tahu risiko mendapat HIV dapat dikurangkan dengan menggunakan kondom secara betul ketika hubungan seks," katanya.

FAKTA NOMBOR

80,938
mangsa

Dijangkiti HIV sejak tahun lalu

Liow berkata, pihaknya mengadakan pelbagai langkah membendung jangkitan HIV sejak kes pertama dikesan di negara ini pada 1986, termasuk menjalankan saringan ujian HIV, rawatan antiretroviral dan bantuan geran kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terbabit dalam kawalan penyakit itu.

Beliau berkata, sehingga akhir tahun lalu, seramai 80,938 orang dikesan dijangkiti HIV dan pihaknya mencatatkan aliran penurunan jangkitan HIV berikutan pelbagai program yang dijalankan.